



22 FEB, 2025

THT pasang impian julang kejuaraan treble musim ini



Utusan Malaysia, Malaysia

THT pasang impian julang kejuaraan *treble* musim ini

PETALING JAYA: Pasukan Hoki Terengganu (THT) berada di landasan terbaik bagi memburu kejuaraan treble selepas cemerlang meraih Piala Sumbangsih dan menjuarai Liga Hoki Malaysia (LHM), musim ini.

Anak buah Mohd. Harfizi Baharom akan melengkapkan kejuaraan treble seandainya berjaya menumpaskan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam final Piala TNB di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, hari ini.

Biarpun turun selaku pasukan pilihan, Mohd. Harfizi berkata, anak buahnya tidak akan tertekan malah, situasi itu sebaliknya menjadi motivasi terbaik bagi memburu trofi ketiga.

“Kita sedia tahu TNB bukan calang-calang pasukan. Mereka mempunyai kekuatan tersendiri, terutamanya daripada serangan mereka yang telah menghasilkan banyak gol masa liga dan aksi kalah mati sebelum ini.

“Kita kena berwaspada dengan ancaman-ancaman mereka bagi meneruskan misi pemburuhan kita bagi menjulang Piala TNB. Kita akan menjadikan kemenangan kita pada Piala Sumbangsih dan liga tempoh hari sebagai satu motivasi.

“Kita perlukan pengalaman pemain kita yang pernah bermain dalam beberapa perlawa-



MOHD. Harfizi Baharom (kanan) dan ketua jurulatih TNB, Nor Saiful Zaini (kiri) memegang Piala TNB menjelang aksi final di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, hari ini.

nan akhir untuk dijadikan sebagai kekuatan pasukan kita esok (hari ini),” katanya dalam sidang akhbar pra perlawanan akhir Piala TNB di Bukit Jalil, semalam.

Untuk rekod, ini merupakan kali keempat berturut-turut kedua-dua pasukan bertemu di pentas akhir yang menyaksikan THT memenanginya pada 2023 manakala TNB menjuarainya pada 2022 serta 2024.

Mohd. Harfizi juga mengakui

Faizal Saari menjadi ayam tambatan pasukan selepas beraksi cemerlang musim ini.

“Kalau kita ikutkan statistik dia telah berada di dalam musim terbaik sebab setiap perlawanan yang dimainkan, dia yang paling banyak jaringkan gol dan kita harapkan sesuatu juga dari padanya.

“Semestinya kemahiran dia amat ditagih oleh pasukan dalam final nanti,” katanya.